

Cukuplah 10 tahun guna air hujan

KERIAN – Tempoh 10 tahun mengusahakan sawah dengan air hujan di kawasan pertanian Blog 19 Tali Air 139 D GRP, Petani Kelompok Persisiran Pantai, Sungai Baru, di sini, sudah cukup lama buat 40 petani.

Rata-rata petani mahukan pihak Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengambil tindakan segera supaya tidak berlaku kemerosotan pengeluaran padi.

Pengerusi Kelompok, Idros Shuib berkata, mesyuarat telah dibuat termasuk membawa perkara itu ke mesyuarat tindakan daerah namun, segalanya masih sepi.

Menurutnya, palung air sudah dibina tetapi air tidak sampai ke kawasan sasaran disebabkan tekanan air rendah.

“Pihak bertanggungjawab perlu menyediakan pam air untuk memasukkan air ke sawah dengan segera.

“Bayangkan kawasan ini



Setiausaha Kelompok, Nordin Mat Desa menunjukkan air dari palung yang cetek dan tidak disalurkan ke sawah.

mempunyai keluasan 100 hektar sawah yang diusahakan 40 petani namun, disebabkan gangguan bekalan air petani bakal menghadapi kerugian,” katanya.

Katanya, jika 20 tahun dulu mungkin petani di sini cuma mengangguk dengan dihelahkan pegawai dari jabatan kerajaan tetapi petani hari ini tidak boleh lagi ditipu atau

diperkotak-katikan.

“Kita mahu Exco berkaitan campur tangan termasuk jurutera daerah kerana ramai kakitangan mereka buat kerja sambil lewa sehingga petani berdepan dengan pelbagai masalah,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Kelompok, Ismail Ibrahim berkata, sepatutnya padi telah diserak pada 21

September lalu, namun sehingga kini sudah hampir tiga minggu berlalu.

“Ada lagi petak sawah yang belum menyerak padi disebabkan kekurangan air. Kita sudah mohon pam tetapi tiada kerjasama dari pihak JPS yang mengeluarkan pelbagai alasan tidak munasabah.

“Ini periuk nasi kami jika tidak capai sasaran, apa kami nak makan nanti,” katanya.

Ismail berkata, kerajaan menghabiskan duit beratus ribu bina kemudahan untuk pesawah tetapi palung tidak boleh digunakan kerana air tidak dapat disalurkan.

“Pegawai JPS yang ditugaskan tidak mengambil serius aduan penduduk sehingga tidak ada pegawai turun padang melihat sendiri keadaan sawah di sini.

“Usahkan sasaran satu hektar 10 tan, dua hektar sekalipun belum tentu disebabkan penjagaan dari segi pengairan air langsung tidak diberi penekanan,” katanya.